

Rancang Perjalanan Tanpa Kebimbangan Pastikan Pematuhan Cukai dengan MyTax

Perjalanan ke luar negara sudah menjadi perkara penting dalam kehidupan rakyat Malaysia sama ada untuk tujuan percutian, pekerjaan atau peribadi. Namun begitu, kewajipan cukai yang tidak diselesaikan boleh mengganggu perjalanan yang dirancang. Bayangkan persiapan percutian impian anda terganggu hanya kerana masalah cukai tertunggak ketika berada di lapangan terbang. Walau bagaimanapun, senario seperti ini boleh dielakkan dengan memastikan pematuhan cukai, iaitu satu proses yang dipermudah melalui platform MyTax oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL).

Mengapakah pematuhan cukai penting untuk pengembara?

Cukai yang belum dibayar atau tertunggak merupakan antara punca yang boleh menyebabkan sekatan perjalanan. Isu seperti ini boleh membawa kepada senarai hitam, menghalang pengembara daripada meninggalkan negara.

Walaupun polisi ini bertujuan memastikan keadilan dalam sistem cukai Malaysia, hal ini sering mengejutkan individu terutamanya mereka yang tidak menyedari tentang status cukai mereka. Dengan menangani perkara berkaitan dengan cukai secara proaktif, anda bukan sahaja dapat memastikan rancangan perjalanan anda berjalan lancar tetapi juga menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih kukuh melalui amaun cukai yang dibayar kepada kerajaan.

MyTax memudahkan pengurusan cukai

HASiL telah membangunkan MyTax (<https://mytax.hasil.gov.my/>), iaitu sebuah platform secara dalam talian yang komprehensif untuk memudahkan pematuhan cukai. MyTax membolehkan pengguna:

- Mengesahkan status cukai pendapatan.
- Memfailkan borang nyata dan mengisytiharkan pendapatan.
- Melaksanakan pembayaran cukai secara selamat.
- Mendapatkan informasi terkini berkenaan cukai yang ditadbir oleh HASiL.

Fungsi MyTax yang mesra pengguna boleh diakses sepanjang masa berfungsi dan memudahkan urusan percukaian seterusnya menjimatkan masa dan kos kerana pembayar cukai tidak perlu ke Pejabat HASiL.

Manfaat penggunaan MyTax

Penggunaan MyTax memberikan pelbagai kelebihan kepada pembayar cukai. Pertama, MyTax membantu merancang perjalanan secara proaktif dengan membolehkan anda mengenal pasti dan menyelesaikan sebarang masalah cukai sebelum membuat perancangan perjalanan, sekali gus mengurangkan tekanan pada saat akhir. Selain itu, platform ini menawarkan pengalaman penggunaan yang terbaik dengan reka bentuk papan muka (dashboard) menarik dan arahan jelas yang memudahkan pengguna dalam melaporkan pendapatan serta melakukan pembayaran cukai.

Dari segi kecekapan, MyTax menjimatkan masa dan kos kerana pengguna dapat mengakses perkhidmatan cukai secara dalam talian tanpa perlu beratur panjang dan menunggu lama di kaunter HASiL. Paling penting, MyTax memberikan keselesaan kepada pengguna. Dengan memastikan urusan cukai anda teratur, anda boleh melancong dengan yakin tanpa bimbang dengan sebarang gangguan yang tidak dijangka.

Mengatasi cabaran pematuhan cukai

HASiL memahami keperluan untuk menangani cabaran dalam pematuhan cukai, seperti kurangnya kesedaran dan sikap menanggung urusan cukai. Banyak pembayar cukai tidak menyedari kaitan antara cukai yang belum diselesaikan dengan sekatan perjalanan. Hal ini menyebabkan mereka terlepas pandang tanggungjawab ini.

Bagi mengatasi isu ini, HASiL melaksanakan kempen pendidikan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya pematuhan cukai serta perkhidmatan secara dalam talian yang tersedia untuk memudahkan urusan cukai.

Di samping itu, sikap menanggung urusan cukai sering berpunca daripada persepsi bahawa prosesnya yang rumit. MyTax, dengan prosesnya yang dipermudah, menggalakkan pembayar cukai bertindak segera. Melalui inisiatif ini, HASiL memastikan MyTax dapat diakses oleh semua pembayar cukai dan seterusnya meningkatkan pematuhan cukai dalam kalangan masyarakat.

Perjalanan tanpa tekanan

Perjalanan ke luar negara seharusnya menjadi pengalaman yang menarik dan tanpa tekanan. Dengan menggunakan MyTax untuk mengesahkan dan menyelesaikan status cukai, anda dapat memastikan perjalanan berjalan lancar tanpa gangguan yang tidak dijangka. Ambil langkah untuk menguruskan cukai anda pada hari ini dengan log masuk ke MyTax demi memastikan pematuhan cukai dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan Malaysia.

Pembayar cukai yang bertanggungjawab bukan sahaja menikmati perjalanan yang bebas daripada kebimbangan tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina negara yang maju. Oleh itu, sebelum terkandas di lapangan terbang, buatlah semakan status perjalanan anda melalui MyTax. Selain memanfaatkan percutian, anda juga mampu membantu ekonomi negara dengan pembayaran cukai. ▶



SEKATAN PERJALANAN

SEMAK DAN JELASKAN TUNGGAKAN
CUKAI SEBELUM KE LUAR NEGARA



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

www.hasil.gov.my 03-8911 1000 [facebook .com/HASiLMalaysia](https://facebook.com/HASiLMalaysia) [hasil_malaysia](https://instagram.com/hasil_malaysia) [@HASiL_Malaysia](https://twitter.com/HASiL_Malaysia) [@hasil_malaysia](https://tiktok.com/@hasil_malaysia)

FOTO: LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA